

perundangan.termasuklah perlaniutan undang-undang yang digunakan di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia ke Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, telah sebanyak sedikit dijalankan.

7. Tetapi penyelarasan dan penvatuan pentadbiran negeri dengan Perkhidmatan Persekutuan yang melibatkan usaha mengadakan sistem organisasi pentadbiran yang co-ordinated, sekim-sekim perkhidmatan tangga gaji yang sama, dan peraturan-peraturan pengurusan yang sama, belum dapat lagi diwuiudkan sepenuhnya. Persefahaman telahpun dicapai dalam tangga-gaji dan penyatuan perkhidmatan ini, dalam perundingan baru-baru ini di Kuching, di antara Ketua Menteri Sarawak dengan Timbalan Perdana Menteri.